

Sperma lelaki tak berkualiti

Kosmo
4/12/2015
MIS 2

Oleh AHMAD ZAINUL ARIFFIN dan MOHD. RIDZAUDDIN ROSLAN



ISMAIL



PRASHANT

KUALA LUMPUR – Jangan terkejut apabila Pusat Fertiliti Kuala Lumpur mendedahkan bahawa masalah kesuburan rakyat Malaysia pada masa kini bukan sahaja dihadapi dalam kalangan wanita tetapi ia juga menghantui kaum lelaki.

Mengikut kajian yang dilakukan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini, berlaku penurunan kualiti air mani dalam kalangan lelaki berumur 20 hingga 30 tahun sebanyak 43 peratus.

Perkembangan itu, sekali gus membuktikan bahawa kadar kesuburan Malaysia yang meruncing kini bukan sahaja berpunca daripada wanita tetapi satu pertiga

Wanita Malaysia sudah tidak subur



da pihak lelaki.

Katanya, faktor penurunan kualiti sperma dalam kalangan lelaki Malaysia itu dipercayai dipengaruhi pelbagai faktor iaitu gaya hidup yang tidak sihat dan mereka banyak terdedah dengan makanan mengandungi bahan kimia.



TEKANAN kerja secara berterusan menjejaskan kualiti sperma lelaki yang menaruh harapan untuk mendapat zuriat. – Gambar hiasan

daripada masalahnya turut berpunca daripada pihak lelaki. **KERATAN Kosmo!** semalam.

Kemerosotan kadar kesuburan dalam kalangan lelaki Malaysia itu turut menjejaskan kadar kelahiran di negara ini dengan purata setiap keluarga di negara ini hanya mempunyai 1.9 anak pada tahun lalu.

Pengarah Perubatan Pusat Fertiliti Kuala Lumpur, Datuk Dr. Prashant Nadkarni berkata, berdasarkan kajian global mengenai kadar kesuburan dalam kalangan lelaki di dunia turut menunjukkan purata bilangan sperma kaum Adam itu berlaku trend penurunan bermula tahun 1930.

“Lebih mengejutkan, kajian tempatan oleh Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Pusat Perubatan UKM melibatkan lelaki Malaysia yang berumur 20 hingga 30 tahun baru-baru ini turut menunjukkan kualiti air mani mereka turut merosot sebanyak 43 peratus.

“Hasil kajian itu menjadi keputusan penting kepada pengkaji membuat rumusan bahawa Malaysia kini perlu mempertingkatkan rawatan kesuburan dalam kalangan rakyatnya,” kata beliau ketika dihubungi **Kosmo!** semalam.

Seorang pakar di Pusat Fertiliti Kuala Lumpur, Dr. Agilan Arjunan pula berkata, bukti kemerosotan kualiti sperma lelaki Malaysia yang semakin meruncing itu juga diketahui melalui pengalaman bekerjanya yang mencatatkan 40 hingga 50 peratus pasangan yang mendapatkan khidmat rundingan kesuburan adalah berpunca daripa-

“Sebagai contoh, lelaki-lelaki Malaysia masa kini dilihat lebih gemar mengambil makanan yang telah diproses, dicampur banyak bahan perisa dan pewarna.

“Tabiat tersebut boleh menyebabkan kualiti sperma lelaki terganggu dan seterusnya menjadikan sperma tidak berkualiti,” kata beliau.

Selain itu, Agilan memberitahu, amalan mengadakan seks secara rambang, bertukar pasangan dan juga terlibat dalam hubungan sejenis turut memusnahkan kualiti sperma mereka ekoran jangkitan penyakit kelamin.


“Sebagai contoh, penyakit kelamin seperti syphilis, gonorrhoea dan chlamydia boleh menyebabkan saluran dalam zakar seseorang lelaki itu hanya mampu mengeluarkan air mani tanpa ada sperma,” jelasnya.

Dalam pada itu, Pakar Sakit Tuan, Dr. Ismail Tambi berkata, kemerosotan kualiti sperma lelaki juga dipengaruhi oleh tekanan tempat kerja dan gangguan-gangguan harian lain.

“Tekanan luaran kepada kaum lelaki ini boleh menyebabkan kualiti sperma dihasilkan kilang sperma tidak cukup sifat atau cacat seperti sperma tiada ekor dan gagal berenang ke telur selain bilangannya berkurangan menyebabkan proses persenyawaan gagal.

“Lima daripada 10 lelaki Malaysia pada masa kini juga dikesan tiada masa untuk menjalinkan hubungan kelamin dengan pasangan kerana mengalami tekanan kerja dan juga tekanan sosial termasuk kesesakan

Contoh-contoh kecacatan sperma



lalu lintas,” katanya.

Ekoran pelbagai masalah itu, Ismail memberitahu, sperma yang dihasilkan lelaki semasa melakukan hubungan kelamin tidak berkualiti dan gagal memberi zuriat dalam keluarganya.

Kosmo! semalam melaporkan, wanita Malaysia kini terperangkap dalam arus masalah negara maju apabila mereka tidak minat berkahwin awal sehingga menyebabkan kadar kelahiran yang direkodkan menurun kepada 1.9 orang bagi setiap keluarga tahun lalu.

“Tekanan luaran kaum lelaki menyebabkan kualiti sperma yang dihasilkan kilang sperma tidak cukup sifat seperti sperma tiada ekor dan gagal berenang ke telur menyebabkan proses pensenyawaan gagal

ISMAIL TAMBI